

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 23**

**DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah persediaan Kementerian menguatkuasakan larangan merokok di tempat awam sepenuhnya bermula 1 Januari 2020. Apakah kadar pematuhan sejak larangan ini mula dikuatkuasa tahun ini dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam hal ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Pewartaan kedai makan antara langkah utama bagi melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok selari dengan Artikel 8 WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC). Pewartaan ini telah dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2019 dan telah dimulakan dengan Penguatkuasaan Pendidikan sehingga 1 Januari 2020. Pihak KKM mempunyai kekuatan sebanyak 4743 orang Pegawai penguatkuasa untuk menguatkuasakan larangan ini bermula 1 Januari 2020 nanti. Selain daripada itu pihak KKM telah pun menjalankan promosi serta kesedaran kepada masyarakat tentang penguatkuasaan sendiri atau “*self empowerment*” oleh Tuan Punya Permis serta masyarakat sekeliling.

**NO SOALAN : 23**

Sepanjang penguatkuasaan pendidikan dijalankan, sebanyak 136,669 premis telah diperiksa dan 30,858 notis amaran telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 27,231 buah premis yang telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,627 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan. Sejumlah 22,205 aduan telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 1 September 2019.

Sekian, terima kasih.